



KENYATAAN MEDIA PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DI KEDAH DAN PERAK

Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di negeri Perak dan Kedah pada **29 Julai - 31 Julai 2024** ini untuk meningkatkan paras air Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik.

OPA dilaksanakan atas permohonan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian serta Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) melalui penyelarasan antara NADMA, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, MetMalaysia, dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM).

Usaha ini adalah salah satu dari usaha kerajaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan sehingga penghujung September 2024.

Met Malaysia menjangkakan taburan hujan di negeri Kedah dan Perak yang rendah sehingga September 2024.

Bekalan air dari empangan Muda di alirkan ke empangan Pedu bagi keperluan domestik, industri dan pengairan padi (Musim 1/2024).

Semasa permulaan musim tanaman padi di sekitar Sungai Muda akan berlaku konflik di antara keperluan domestik, industri dengan pengairan padi. Keutamaan akan diberikan kepada keperluan domestik/industri.

Kekurangan turunan hujan akan mengakibatkan takungan simpanan akan terus menyusut seterusnya tidak dapat menampung keperluan untuk jangka masa panjang.

Tanaman Padi Kawasan Muda merupakan jelapang padi terbesar di Malaysia dengan keluasan 100,641.19 hektar (81,606.66 hektar di Kedah, 19,034.53 hektar di Perlis).

Manakala kawasan tanaman Padi di Kerian yang menerima sumber air dari empangan Bukit Merah pula merupakan jelapang padi ke-3 terbesar di Malaysia dengan keluasan 20,326 hektar.

Menurut laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 26 Julai 2024, peratus takungan semasa Empangan Muda ialah 9.44% manakala Empangan Bukit Merah adalah 15.25%.

Operasi ini yang akan dilaksanakan selama tiga (3) hari berturut-turut.

Selaku Pengerusi Bencana Pusat, saya bersetuju bahawa pelaksanaan OPA ini dibuat bagi menjamin sumber air mencukupi di kawasan tadahan hujan sepanjang tempoh negara berhadapan dengan cuaca panas dan kering.

Ahmad Zahid Hamidi

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP)

28 Julai 2024